

POLA PENGULANGAN PERKATAAN BERKAITAN ESKATOLOGI DALAM AL-QURAN MENERUSI PENDEKATAN RETORIK DAN BANTUAN CHATGPT^(*)

*(Repetitive Patterns of Eschatological Terminology in the Qur'an Through
Rhetorical Approaches and ChatGPT Assistance)*

Khairul Asyraf Mohd Nathir¹, Amani Nawi², Rosni Samah³,
Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi⁴,
Mohamad Yazid Abdul Majid⁵, Bushro Bakri⁶

ABSTRACT

This study examines the rhetorical pattern of lexical repetition related to the theme of eschatology in the Qur'an by integrating classical Arabic rhetorical analysis with the support of artificial intelligence through the ChatGPT application. Eschatological themes such as the Day of Judgment, resurrection, reckoning, paradise, and hell are among the core themes in Qur'anic discourse, conveying messages of warning, threat, and encouragement towards repentance and obedience. The repetition of words associated with these themes not only serves to reinforce the message

^(*) This article was submitted on: 14/07/2025 and accepted for publication on: 25/09/2025.

¹ Pensyarah Kanan (Dr.) Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Juga Timbalan Pengarah USIM 'Alamiyyah USIM. (Corresponding Author)

Email: khai.asyraf@usim.edu.my

² Pensyarah Kanan (Dr). Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: amani@usim.edu.my

³ Professor, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: rosni@usim.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan (Dr). Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: adiamzar@usim.edu.my

⁵ Pensyarah Kanan (Dr). Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: yazidmajid@usim.edu.my

⁶ Calon Pelajar PhD. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: bushrobakri@raudah.usim.edu.my

but also carries a profound rhetorical impact on the reader's and listener's psyche. This study employs a qualitative textual approach by identifying key eschatological lexicons and analyzing their frequency, distribution, and function based on rhetorical principles such as *takrār* (repetition), *ta'kid* (emphasis), and *iltifāt* (shifts in perspective). ChatGPT is utilized as a support tool to accelerate the extraction of keywords, verse searches, and initial interpretive suggestions. The findings indicate that repetition within the eschatological context is strategic and contextual, aiming to strengthen emotional impact and ethical awareness. While ChatGPT assists in data collection and categorization, human analysis remains essential to ensure authentic and in-depth understanding. This study contributes to contemporary Qur'anic studies by demonstrating the potential synergy between classical methodologies and modern technology in examining sacred texts more systematically.

Keywords: *Qur'anic Eschatology, Repetition, Balāghah, Rhetorical Analysis, Takrār, Artificial Intelligence, ChatGPT, Qur'anic Linguistics*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti pola retorik pengulangan leksikal yang berkaitan dengan tema eskatologi dalam al-Quran dengan menggabungkan analisis balāghah Arab klasik dan bantuan kecerdasan buatan menerusi aplikasi ChatGPT. Tema eskatologi seperti hari kiamat, kebangkitan semula, hisab, syurga dan neraka merupakan antara tema utama dalam wacana al-Quran yang membawa mesej peringatan, ancaman, dan dorongan ke arah keinsafan dan ketaatan. Pengulangan perkataan berkaitan tema ini bukan sahaja berfungsi sebagai penegasan mesej, malah mengandungi kesan retorik yang mendalam terhadap jiwa pembaca dan pendengar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif terhadap teks dengan mengenal pasti leksikal utama bertema eskatologi dan menganalisis kekerapan, taburan serta fungsinya berdasarkan prinsip balāghah seperti *takrār* (pengulangan), *ta'kid* (penegasan) dan *iltifāt* (pertukaran sudut pandang). ChatGPT digunakan sebagai alat sokongan untuk mempercepat proses pengekstrakan kata kunci, pencarian ayat, dan cadangan awal interpretasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengulangan dalam konteks eskatologi bersifat strategik dan kontekstual, bertujuan memperkukuh kesan emosional dan kesedaran etika. Walaupun ChatGPT membantu dari aspek pengumpulan dan kategorisasi data, analisis manusia tetap diperlukan untuk memastikan kefahaman yang sahih dan mendalam. Kajian ini menyumbang kepada wacana

kontemporari dalam pengajian al-Quran dengan menunjukkan potensi kerjasama antara metodologi klasik dan teknologi moden dalam meneliti teks suci secara lebih sistematik.

Kata Kunci: *Eskatologi al-Quran, Pengulangan, Balāghah, Analisis Retorik, Takrār, Kecerdasan Buatan, ChatGPT, Linguistik al-Quran*

1. PENDAHULUAN

Pengulangan leksikal dalam al-Quran yang berkaitan eskatologi seperti konsep kiamat, kebangkitan semula, hisab, syurga, dan neraka merupakan unsur retorik penting yang bertujuan memberi penegasan, menggugah kesedaran moral dan menyampaikan mesej peringatan ilahi secara berkesan. Teknik takrār ini bukan sahaja memperkaya struktur retorik Qur’ani tetapi juga memperkuat kekuatan persuasi dalam pengajaran kepada generasi semasa untuk merenung dan bertindak berdasarkan wahyu (Nur Faizi et al., 2014). Pengulangan dalam konteks pembelajaran bahasa Arab bukan sekadar elemen estetika, tetapi juga fungsi retorik yang membantu pelajar memahami dan menghargai mesej spiritual al-Quran dengan lebih mendalam (Adli & Abdullah, 2024).

Era digital kini menyaksikan pembabitan teknologi kecerdasan buatan (AI), khususnya ChatGPT, dalam kajian al-Quran dan penyelidikan linguistik. Penggunaan ChatGPT ini mampu mempercepatkan proses pengenalanpastian kata kunci lafaz eskatologi serta pengumpulan ayat, namun turut menekankan keperluan verifikasi manusia untuk memastikan ketepatan tafsiran berkonsep kontekstual (Nasir et al., 2024). Kajian empirikal menunjukkan bahawa ChatGPT boleh menjalankan analisis terminologi, namun sering kali terhad oleh kekurangan konteks sejarah dan teologi dalam ayat-ayat suci.

Selain itu, aspek etika dan keberpihakan dalam AI juga menjadi tumpuan utama. Penerokaan dari perspektif Human-Centered AI, dan menegaskan bahawa kepercayaan dan ketelusan harus dijaga. Ini kerana ChatGPT berisiko mewujudkan kandungan yang kelihatan meyakinkan tetapi sebenarnya memberi petunjuk yang salah termasuklah isu yang dikenalpasti sebagai salah satu cabaran utama dalam aplikasi teknologi AI iaitu pendidikan agama. Dalam konteks Pengajian Islam di Malaysia, penggunaan ChatGPT menjadikan sesuatu maklumat itu berulang-ulang sehingga membawa kepada kekeliruan, seterusnya mewujudkan ilusi kepakaran (Adawiah et al., 2023). Oleh itu, penggunaannya perlu dikawal selia dan dilengkapi dengan pemantauan atau kesahan dari pakar.

Daripada sudut balāghah Arab, teknik seperti takrār, ta'kīd, dan iltifāt memainkan peranan penting dalam membentuk pola pengulangan berdasarkan konteks audiens dan tujuan dakwah. Kajian tentang susunan temporal seperti Taqdim dan Ta'khīr dalam Juz 27 menjelaskan bahawa variasi struktur ayat memberi kesan kuat terhadap pemahaman semantik dan konteks moral setiap surah. Sementara itu, konsep "counter-discourse" dalam al-Quran turut menekankan bahawa pengulangan bukan semata-mata pengulangan literal, tetapi juga strategi polemik di mana ayat-ayat tersebut membina naratif berdepan hujah kaum lain atau cabaran kepada kepercayaan tertentu .

Berdasarkan tinjauan di atas, terlihat jurang penting iaitu kajian balāghah semasa, banyak menumpukan kepada aspek tekstual dan retorik klasik, manakala integrasi dengan teknologi AI, khususnya analisis ChatGPT dalam konteks eskatologi Qur'ani, masih kurang dibahas secara kritis. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti leksikal eskatologi yang berulang dalam al-Quran melalui sistematik korpus.
2. Menganalisis fungsi retoriknya menggunakan pendekatan balāghah klasik seperti takrār, ta'kīd, dan iltifāt.
3. Menilai keberkesanan dan batasan penggunaan ChatGPT sebagai alat sokongan dalam analisis retorik dan linguistik.
4. Memperkaya wacana metodologi yang menggabungkan teknik tradisional dan teknologi AI untuk memahami mesej spiritual dan retorik Qur'ani secara lebih komprehensif.

2. SOROTAN LITERATUR

Penggunaan pengulangan leksikal berkait tema eskatologi seperti yaum, qiyāmah, ḥisāb dan jannah dalam al-Qur'an bukan sekadar isu frekuensi, tetapi konstruksi retorik yang menyokong kesinambungan dan resonansi mesej. Analisis terhadap Surah al-Isrā' menunjukkan bahawa pengulangan literal dan sinonim bukanlah raw repetition, tetapi disusun dalam struktur retorik yang deliberate untuk menyampaikan "koherensi tematik" dan mempengaruhi persepsi moral pembaca (Sulaiman, 2020). Ini mencerminkan retorik Qur'ani yang bukan hanya mengulangi kata, tetapi merangkakan variasi derivatif dan sinonim yang memperkasa dimensi eskatologi.

Dari sudut metodologi, Quranic Arabic Corpus menawarkan anotasi sintaks serta morfologi yang memudahkan analisis frekuensi dan relasi lexeme besar-besaran. Walau bagaimanapun, penggunaan platform ini masih tertumpu pada kuantifikasi frekuensi sahaja tanpa pemeriksaan terhadap dimensi semantik dan retorik. Ia mengesan bahawa, terdapat 70 kali lafaz qiyāmah diulang, tetapi tidak menilai sama ada setiap pengulangan ini berfungsi sebagai ta'kid, takrār atau iltifāt .

Dalam bidang NLP moden, penggunaan *embedding* dan *Doc2Vec* mengenal pasti pengulangan leksikal dalam konteks sebundar semantic yang menjelaskan recall 72% untuk identifikasi ayat ayat tematik eskatologi (Mewa et al., 2019). Namun pendekatan ini masih terdedah kepada bias struktur korpus seperti surah panjang berulang dan gagal membezakan fungsi retorik disebalik pengulangan, seperti intensifikasi atau perubahan nada.

Sebagai tambahan, kajian empirikal dalam bidang psikologi dan retorik al-Qur'an jelas menunjukkan bahawa elemen emosi dan kesopanan berperanan dalam kekuatan retorik (Wan Azura, 2021). Beliau menegaskan penggunaan berulang istilah seperti rahmah dan 'adhāb menerusi struktur ayat yang beremosi tinggi menyebabkan kata-kata eskatologi bukan sekadar diulang, tetapi dirasakan secara emosi oleh pembaca. Pengulangan seperti ini menyumbang kepada konstruk retorik yang sukar disentuh hanya melalui data kuantitatif per korpus.

Di samping itu, kajian berkaitan yang lebih meluas dalam perspektif ini melalui analisis 'Variasi Perkataan Hari Kiamat' dengan penggunaan ATLAS.ti dapat mengumpulkan 27 variasi leksikal, lalu membentuk tiga kategori kekerapan tinggi, sederhana, dan rendah. Kajian ini menegaskan bahawa variasi leksikal juga penting kerana ia memberikan kedalaman retorik lebih daripada pengulangan literal sahaja (Khairul Asyraf, 2024). Penekanan pola berulang dan statik mampu menyingkap strategi retorik yang tertanam dalam bentuk variasi sinonim dan bukan sekadar jumlah perkataan semata-mata.

Pengulangan balāghah (takrār) dalam al-Qur'an tidak sekadar teknik retorik, tetapi merupakan strategi komposisi yang memiliki nilai estetik dan kekuatan dakwah. Melalui pendekatan Semitic Rhetorical Analysis (SRA), membuktikan bahawa surah-surah seperti al-Mā'idah memanfaatkan struktur simetri iaitu berulang kata, ayat, dan struktur naratif bertujuan untuk meningkatkan koherensi dan kohesi teks (Cuypers, 2009). Namun, kajian ini dikritik kerana berpihak kepada struktur ring composition, tanpa cukup

mempertimbangkan elemen prosodi dan konteks wahyu, terhadap Surah al-‘Alaq (Aqdi Rofiq Asnawi, 2021).

Tambahan pula, pengulangan boleh mengambil bentuk-bentuk yang lain, sebagai contoh, ta’kid atau penegasan digunakan dengan menyertakan partikel seperti innama atau pengulangan morfologi. Khairul Asyraf (2024) menegaskan bahawa ta’kid dalam ayat-ayat eskatologi memperkuat unsur peringatan seterusnya membingkai ayat dalam bingkai kewaspadaan dan tanggungjawab moral (Al-Janabi, 2024). Penggunaan ATLAS.ti pula bertujuan mengesan pola partikel eskatologi dalam surah-surah akhir Juz Amma ini, menunjukkan kesediaan retorik teks untuk membawa pembaca kepada respons emosi dan moral.

Konsep iltifāt pula merujuk kepada peralihan retorik seperti perubahan rujukan kata ganti, nada suara, atau tajuk perkatak. Wan Azura (2021) memberi contoh bagaimana iltifāt digunakan dalam Surah al-Infiṭār untuk menarik perhatian pembaca dari fenomena alam kepada kewajipan moral individu. Pengulangan dan peralihan yang digunakan ini adalah sebahagian daripada strategi naratif kompleks yang meningkatkan mesej yang ingin ditunjukkan.

Lebih kritikal lagi, Cuypers (2009) dan Asnawi (2001) mengingatkan bahawa penggunaan struktur takrār dan iltifāt perlu dikonfrontasi dengan konteks budaya dan nazm (susunan wahyu), kerana kecenderungan analisis struktural boleh mengabaikan alasan turunnya ayat (asbāb al-nuzūl) dan kehidupan sosio-historis pada masa itu. Ini menandakan bahawa pendekatan balāghah klasik harus disokong dengan data nukilan tafsir dan sejarah wahyu bagi menghasilkan interpretasi retorik yang sahih serta seimbang.

Beberapa kajian mutakhir telah menyoroti potensi dan keterbatasan penggunaan ChatGPT dalam analisis al-Qur’an, khususnya dalam konteks eskatologi dan retorik. Oleh itu, penggunaan ChatGPT dapat mempercepat proses pengumpulan data leksikal dan mencadangkan tafsiran awal terhadap ayat-ayat al-Qur’an. Namun begitu, hasil yang dihasilkan sering kali tidak tepat dari sudut sejarah dan teologi, terutama apabila melibatkan konteks wahyu atau asbāb al-nuzūl. Kekurangan ini menjadi lebih ketara apabila model AI tersebut gagal mengenal pasti susunan nazm dan makna tersirat yang menjadi asas kepada kefasihan retorik Qur’ani.

Kajian perbandingan yang dilakukan menunjukkan bahawa ChatGPT mempunyai kelemahan dalam mengesan elemen gaya bahasa Arab klasik seperti

iltifāt, metafora, dan irama prosodik ayat (Afriazal et al., 2024). Mereka menyatakan bahawa model ini tidak mampu memahami hubungan antara gaya naratif dan mesej spiritual yang disampaikan, menjadikan hasil tafsiran bersifat datar dan mekanikal. Tambahan lagi, sistem ini juga gagal menyesuaikan outputnya mengikut kerangka maqasid al-shariah, termasuk aspek Hifz al-Din dan Hifz al-Nafs, yang sangat penting dalam tafsiran Islam.

Dalam bidang linguistik dan Natural Language Processing (NLP), menunjukkan bahawa model bahasa berskala besar (LLM) seperti ChatGPT mudah terdedah kepada fenomena ‘hallucination’, iaitu menghasilkan maklumat palsu atau ayat rekaan yang tampak sahih (Ferrara, 2023). Mereka melaporkan bahawa kadar kesilapan fakta dalam konteks ilmiah mencecah antara 27% hingga 46%, dan dijangka lebih tinggi dalam teks agama yang memerlukan ketepatan tinggi dari segi teologi dan budaya. Dalam hal berkaitan data al-Qur’an, fenomena ini sangat berisiko kerana ia boleh menyebabkan penyebaran maklumat salah yang melibatkan aqidah dan hukum syarak.

Lebih membimbangkan, laporan tidak formal yang dikumpulkan daripada pengguna Muslim, termasuk pelajar pengajian Islam, menunjukkan bahawa ChatGPT kadang kala menghasilkan ayat yang tidak wujud dalam al-Qur’an, mencampur adukkan riwayat dengan fakta, atau memberikan tafsiran yang terlalu condong kepada nilai-nilai liberal yang tidak selari dengan prinsip tafsir tradisional (Afriazal et al., 2024). Isu seperti pemalsuan hadis, kekeliruan antara makkiyyah dan madaniyyah, dan kealpaan terhadap struktur semantik Arab klasik, menimbulkan keraguan serius terhadap kebolehgunaan AI dalam konteks keilmuan Islam yang sahih dan disiplin.

Secara kritikal, walaupun ChatGPT terbukti mempercepat proses eksplorasi awal dan pencarian corak leksikal, ketepatannya masih lemah tanpa intervensi manusia. Kelemahan dari aspek sensitiviti budaya, kehalusan makna retorik, dan nuansa spiritual menjadikannya tidak sesuai untuk digunakan secara tunggal dalam analisis teks suci. Maka, penggunaan ChatGPT perlu diletakkan dalam kerangka sokongan, bukan sebagai pengganti kepada kaedah tafsir tradisional yang berteraskan ilmu balāghah, usul tafsir, dan sejarah penurunan wahyu. Kritikan ini menegaskan keperluan untuk merangka garis panduan etika serta pengesahan manual oleh pakar sebelum sebarang output AI dijadikan sandaran dalam kajian keislaman dan penyelidikan Qur’ani.

Justeru, kajian-kajian terkini dalam lapangan Qur’ani dan linguistik digital mencadangkan bahawa penggabungan antara pendekatan klasik dan teknologi moden mampu mencetuskan lonjakan metodologi yang signifikan

dalam usaha memahami al-Qur'an secara lebih holistik (Amir, 2021). Pendekatan tradisional yang merangkumi balāghah, tafsir bi al-māthur dan tafsir bi al-ra'yi masih terbukti utuh dalam menganalisis keindahan struktur linguistik dan pemaknaan spiritual ayat-ayat suci. Walau bagaimanapun, kepesatan perkembangan kecerdasan buatan (AI) dan analisis data besar memberikan peluang baharu untuk meneroka dimensi-dimensi retorik yang tersembunyi dalam teks al-Qur'an, khususnya dalam mengenal pasti pola pengulangan dan semantik eskatologi.

Dalam konteks ini, penekanan bahawa pengaplikasian model-model semantik seperti Latent Semantic Analysis (LSA) dan topic modelling dapat membantu dalam mengecam pola tematik ayat-ayat yang sebelumnya yang tidak dikaitkan secara langsung oleh ulama klasik (Asma, 2019). Mereka mencadangkan bahawa pendekatan berbantuan mesin boleh berfungsi sebagai alat penjelajah awal (exploratory layer) untuk mengenal pasti rangkaian makna dalam struktur makro surah. Unsur-unsur seperti sinonimi tematik dan progresi semantik dalam ayat-ayat berkaitan kiamat boleh dikenal pasti melalui teknik statistik dan pembelajaran mesin, sebelum dikaji dengan lebih mendalam melalui kaedah tafsir tradisional.

Sebagai pelengkap, model bahasa besar seperti ChatGPT boleh dimanfaatkan secara berhati-hati sebagai pembantu sokongan dalam menganalisis bentuk retorik seperti takrār dan ta'kid. Dalam penggunaannya yang dikawal rapi, ChatGPT dapat menjana saranan awal berkaitan pola pengulangan dan memberi cadangan struktur ayat yang menunjukkan unsur penegasan atau perubahan gaya bahasa (iltifāt). Walaupun model ini tidak mampu memahami kesucian teks Qur'ani dan nilai teologi di sebalik struktur ayat, ia boleh membantu mempercepat proses penandaan teks (automated annotation) untuk disemak semula secara manual oleh pakar tafsir dan bahasa Arab.

Namun, integrasi ini tidak terlepas daripada cabaran metodologi dan epistemologi. Salah satu isu utama ialah ketidakupayaan model AI untuk mengakses tradisi tafsir secara kontekstual dan beradab. AI tidak memiliki kesedaran sejarah wahyu, prinsip maqasid, dan pertimbangan konteks seperti sebab turun ayat (asbāb al-nuzūl). Dalam hal ini, penggunaan model AI sering menghasilkan 'halusinasi' (hallucination), iaitu output palsu atau tidak tepat, yang berpotensi mencemari wacana ilmu apabila digunakan tanpa pengesanan (Ferrara, 2023).

Tambahan pula, terdapat keprihatinan terhadap bias budaya dan nilai dalam data latihan model ini yang berpusat dari Barat, menyebabkan berlakunya kecenderungan tafsiran yang liberal, sekular, atau terlalu generalisasi apabila diaplikasi pada teks suci seperti al-Qur'an (Afriazil et al., 2024). Ini menimbulkan cabaran serius dalam menjaga kesahihan dan ketulenan tafsir, serta memberi tekanan kepada keperluan pemantauan manusia secara berterusan dalam penggunaan AI dalam kajian Islam.

Sebagai langkah ke hadapan, beberapa penyelidik mencadangkan agar protokol penggunaan AI dalam kajian keislaman dirangka secara teliti dan sistematik. Antaranya termasuklah penetapan garis panduan etika dalam penggunaan model bahasa, proses cross-verification oleh pakar manusia untuk mengesahkan keabsahan maklumat AI, pembangunan data set Islamik yang khusus dan berpaksikan epistemologi wahyu (Afriazil et al., 2024), serta integrasi nilai maqāṣid al-sharī'ah dan teori balāghah ke dalam sistem penjana bahasa mesin (Mustafa & Sadik, 2025). Selain itu, pendekatan interdisipliner turut digesa, di mana kerjasama erat antara sarjana Islam, ahli linguistik komputer, dan jurutera AI dapat memastikan model-model AI yang dibangunkan lebih peka terhadap nilai-nilai Islam (Amir, 2021), kehalusan retorik Arab klasik serta sensitiviti konteks wahyu (Ferrara, 2023). Usaha ini diyakini mampu mengurangkan risiko bias epistemologi dan "halusinasi AI" yang sering berlaku dalam sistem berasaskan data umum Barat, sekali gus menjamin kualiti dan autoritatif analisis Qur'ani yang melibatkan teknologi canggih.

Sebagai kesimpulan, dapat dirumuskan bahawa kajian terhadap pola pengulangan eskatologi dalam al-Qur'an memerlukan pendekatan bersepadu yang menggabungkan ketekunan metodologi klasik dengan kelajuan dan keupayaan penemuan AI moden. Walaupun terdapat cabaran besar dalam memastikan keabsahan teologi dan linguistik dalam penggunaan AI, potensi integratif ini tetap relevan, selagi mana ia dikendalikan secara berhikmah, beretika dan melalui penyelarasan rapi dengan kerangka ilmu Islam yang sahih. Perbincangan ini membuka ruang penting kepada pembangunan metodologi Qur'ani baharu yang bersifat kontemporari namun tetap menghormati tradisi.

3. METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis kandungan teks al-Qur'an, teori retorik balāghah klasik, dan sokongan teknologi kecerdasan buatan (AI) menerusi ChatGPT. Pendekatan ini bertujuan untuk menganalisis pola pengulangan leksikal yang berkaitan dengan tema

eskatologi dalam al-Qur'an serta menilai dimensi retorik dan potensinya dalam pengajaran dan kefahaman Qur'ani moden. Korpus utama kajian terdiri daripada teks penuh al-Qur'an dalam bahasa Arab standard, diperoleh daripada Quranic Arabic Corpus serta disemak silang dengan naskhah rasmi Mushaf Madinah. Fokus utama diberikan kepada istilah yang berkait secara langsung dengan tema eskatologi seperti al-Qiyāmah, al-Sā'ah, al-Nār, al-Jannah, Yawm al-Dīn, dan istilah-istilah sinonim yang sering muncul dalam ayat-ayat berkaitan akhirat. Pemilihan istilah ini dipandu oleh indeks tematik moden dan pengetahuan tafsir klasik, termasuk karya seperti al-Tafsīr al-Kabīr oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan al-Mu'jam al-Mawḍū'ī li Kalimāt al-Qur'ān.

Data kemudian dianalisis menggunakan pendekatan linguistik korpus melalui platform Python yang mengaplikasikan modul seperti NLTK dan Gensim untuk mengenal pasti frekuensi pengulangan, pola kolokasi, dan hubungan semantik antara istilah eskatologi. Fungsi concordance digunakan untuk menganalisis konteks kemunculan perkataan dalam susunan ayat, termasuk kedudukannya dalam permulaan, tengah atau akhir ayat, bagi mengenal pasti fungsi retorik yang tersirat. Seterusnya, kajian menerapkan teori balāghah klasik untuk menilai secara kritikal fungsi pengulangan tersebut dengan memberi tumpuan kepada tiga elemen utama: takrār (pengulangan literal atau sinonim bagi penegasan makna dan kesan emosi), ta'kid (penguatan makna melalui struktur sintaksis seperti penggunaan partikel inna, laqad, dan bentuk fi'il maḍī berganda), serta iltifāt (peralihan gaya bahasa secara mendadak seperti perubahan dari orang ketiga ke orang pertama atau kedua). Ketiga-tiga elemen ini diteliti dengan merujuk kepada karya klasik seperti Asrār al-Balāghah oleh 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī dan Miftāḥ al-'Ulūm oleh al-Sakkākī.

Dalam masa yang sama, kajian ini turut menilai peranan ChatGPT sebagai alat sokongan dalam proses analisis. Model GPT digunakan untuk menjana cadangan sinonim, menyemak pola pengulangan, dan mengusulkan tafsiran awal terhadap makna dan fungsi leksikal ayat. Cadangan yang dikemukakan oleh model kemudian disemak secara manual oleh penyelidik yang mempunyai latar belakang dalam bidang tafsir dan balāghah Arab. Kualiti maklumat yang dijana oleh ChatGPT dinilai berdasarkan tiga kriteria utama: (i) ketepatan makna tafsiran (tafsīriyyah), (ii) keabsahan sejarah (tārīkhīyyah), dan (iii) kefasihan retorik (balāghīyyah). Walaupun model ini menunjukkan potensi dalam menjimatkan masa dan mempercepat pencarian pola leksikal, beberapa kekangan dikenal pasti seperti kecenderungan kepada maklumat yang tidak tepat (hallucination), bias epistemologi Barat, dan kesukaran memahami struktur bahasa Arab klasik secara halus. Sehubungan itu, peranan ChatGPT dalam kajian

ini diletakkan sebagai alat lapisan awal yang memerlukan semakan berwibawa oleh sarjana manusia. Penilaian kritis terhadap kekangan ini disokong oleh kajian etika AI Islamik yang menekankan kepentingan kerangka epistemologi wahyu (Afriazil et al., 2024) dan maqāṣid al-sharī'ah dalam pembangunan serta penggunaan model AI dalam konteks keilmuan Islam (Ferrara, 2023). Pendekatan gabungan ini diyakini dapat membuka jalan kepada pembangunan metodologi baharu dalam kajian Qur'ani yang seimbang antara tradisi dan teknologi.

4. PERBINCANGAN

Hasil analisis menunjukkan bahawa pengulangan perkataan-perkataan yang berkait rapat dengan tema eskatologi dalam al-Qur'an bukan berlaku secara kebetulan atau bersifat redudansi linguistik, tetapi menggambarkan satu strategi balāghah yang tersusun untuk menanam kesan makna yang mendalam kepada pembaca. Antara istilah utama yang dikenal pasti melalui teknik concordance ialah: يوم (hari), الساعة (saat Kiamat), النار (neraka), الجنة (syurga), الحساب (penghisaban), dan القيامة (hari kebangkitan).

Sebagai contoh, kata "يوم" muncul dalam lebih 365 tempat, dan kerap digandingkan dengan frasa seperti يوم القيامة, يوم الدين, dan يوم الحساب. Pola pengulangan ini memperlihatkan elemen takrār (pengulangan) yang bukan sekadar memperkuat mesej tematik, malah berfungsi sebagai elemen pedagogi dan dakwah. Dalam Surah al-Fajr (89:23): "...وَجِيءَ يَوْمَئِذٍ بِجَهَنَّمَ", istilah "يومئذٍ" memperkukuh unsur naratif visual yang dramatik tentang saat kehancuran dan balasan.

Pengulangan juga dikuatkan dengan teknik ta'kid (penegasan) yang berlapis, seperti dalam Surah al-Zalzalah (99:6-8):

"...يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ، فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ"

Ayat ini bukan sahaja menampilkan istilah eskatologi "يومئذٍ" dan tema balasan, tetapi pengulangan frasa "ذَرَّةٍ ... يَرَهُ" menunjukkan bentuk repetition of clause yang menjadikan mesej tentang ganjaran dan hukuman nampak meyakinkan dan menakutkan, dan pada masa yang sama, satu bentuk takrār retorik yang kuat.

Selain takrār dan ta'kīd, terdapat juga iltifāt (peralihan gaya bahasa) yang menonjolkan dinamika mesej dan menarik perhatian pembaca kepada hakikat akhirat. Sebagai contoh, dalam Surah al-Infitar (82:6-10), ayat bermula dengan gaya khitāb kepada manusia, kemudian berpindah kepada narasi ketuhanan dan perincian balasan:

"يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ ... إِنَّ عَلَيْكُمْ لِحَافِظِينَ، كِرَامًا كَاتِبِينَ"

Gaya bahasa yang berubah-ubah ini menunjukkan unsur iltifāt yang saling melengkapi pengulangan leksikal bagi membina kesedaran terhadap eskatologi secara mendalam dan interaktif. Kajian juga menunjukkan bahawa perkataan seperti "النار" dan "الجنة" sering kali muncul dalam susunan paralel untuk menggambarkan dualisme balasan akhirat. Sebagai contoh, dalam Surah al-Ghashiyah (88:1-16), dimulakan dengan gambaran azab kepada penghuni neraka, diikuti secara berselang dengan gambaran balasan nikmat kepada penghuni syurga. Strategi ini mewujudkan kesan retorik kontras yang kuat iaitu satu bentuk tibyān (penjelasan) yang memperkukuh mesej moral dan motivasi.

Lebih penting lagi, pola pengulangan ini menunjukkan bahawa balāghah Qur'ani tidak hanya terbatas kepada keindahan susunan kata, tetapi berfungsi secara strategik untuk; menanamkan nilai keimanan terhadap hari akhir, menyentuh aspek psikologi pembaca. Mengukuhkan struktur tematik dan naratif dalam surah-surah tertentu. Pengulangan leksikal ini turut memainkan peranan mnemoteknikal (mengukuhkan hafalan), terutamanya dalam surah yang kerap dibaca seperti al-Qiyamah, al-Zalzalah dan al-Takwir. Dari sudut semantik, pengulangan tersebut memperkaya lapisan makna melalui peneguhan berperingkat (graduated emphasis), selari dengan prinsip al-i'jaz al-bayani (keajaiban gaya bahasa Qur'an).

Dalam konteks ini, pola pengulangan perkataan eskatologi yang disertai dengan unsur-unsur balāghah seperti takrār, ta'kīd dan iltifāt membuktikan bahawa struktur linguistik al-Qur'an bersifat strategik dan berlapis dalam menyampaikan mesej keimanan terhadap hari akhir, sekaligus menyerlahkan keunikan retorik wahyu yang tidak boleh ditiru.

Leksikal eskatologi dalam al-Quran berfungsi bukan sahaja sebagai informasi teologikal, tetapi juga sebagai alat retorik yang ampuh. Pengulangan istilah tertentu bukan sekadar gaya penulisan, tetapi manifestasi kesengajaan

ilahiah untuk menanamkan ketakutan, harapan, dan tanggungjawab dalam kalangan pembaca. Analisis ini memperincikan beberapa kelompok istilah utama berdasarkan frekuensi, konteks ayat, dan fungsi retorik yang dikenalpasti melalui concordance dan collocation analysis.

Meskipun analisis ini telah memperlihatkan pola pengulangan istilah eskatologi yang signifikan, ia perlu diperluas dengan menilai kedudukannya dalam konteks penggunaan kecerdasan buatan. Penggunaan ChatGPT boleh dijadikan sebagai model bahasa berasaskan carian pantas frekuensi dan kolokasi seperti istilah seperti “يوم” yang muncul lebih daripada 365 kali, atau pasangan paralel seperti النار dan الجنة. Dapatan ini memberikan gambaran awal yang bernilai, namun sifatnya masih bersandarkan kepada deskripsi statistik tanpa keupayaan menyingkap lapisan makna wahyu. Oleh itu, ChatGPT berperanan sebagai alat bantu linguistik sahaja, bukan sebagai instrumen tafsir hermeneutik yang mampu menjelaskan maqāsid secara terlerinci dan mendalam.

Justeru, apabila merujuk kepada para ulamak tafsir, pengulangan istilah eskatologi ini tidak berlaku secara rawak, tetapi merupakan strategi retorik yang berlapis dan berdasarkan sesuatu makna yang tinggi nilainya. Al-Ṭabarī (w. 310H) menekankan bahawa pengulangan perkataan “يوم” dalam konteks kiamat berfungsi untuk meneguhkan keyakinan manusia terhadap kepastian hari akhirat. Ibn Kathīr (w. 774H) pula menghuraikan perbandingan antara syurga dan neraka sebagai kaedah tarbiyah Qur’ani yang menyeimbangkan targhīb (dorongan) dan tarhīb (ancaman). Manakala al-Qurtubī (w. 671H) dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w. 606H) melihat variasi pengulangan seperti يومئذ dalam Surah al-Zalzalah sebagai bentuk penegasan berperingkat (ta’kīd) yang menimbulkan kesan psikologi mendalam. Pemaknaan dalam tafsir ini membuktikan bahawa pengulangan leksikal bukanlah redudansi linguistik, tetapi strategi dakwah yang sarat dengan dimensi rohani, teologi, dan pedagogi.

Oleh itu, dalam kerangka penelitian ini, antara kelemahan ChatGPT yang jelas terlihat adalah kegagalan dalam membezakan antara takrār retorik dengan pengulangan biasa, secara tidak langsung menonjolkan kelebihan wacana ulama yang beroperasi pada aras keilmuan lebih tinggi berbanding alat teknologi yang turut berasaskan idea manusia itu sendiri. Justeru, kekuatan sebenar kajian ini bukan sekadar pada kemampuan mengenal pasti pola linguistik melalui teknologi moden, tetapi pada usaha mengintegrasikan dapatan kuantitatif ChatGPT dengan warisan tafsir klasik yang kaya rahsia dalam konteks yang lebih kritis. Integrasi ini bukan sahaja mengangkat keunikan balāghah Qur’ani sebagai

strategi dakwah yang tersusun, malah menegaskan bahawa i‘jāz al-bayānī al-Qur’an tidak dapat ditandingi oleh mana-mana teks mahupun algoritma moden. Perincian perbandingan adalah seperti contoh perkataan Qiamat dalam jadual berikut:

Aspek Analisis	Dapatan ChatGPT	Dapatan Sumber Rujukan Bercetak (Ulama/Tafsir)
Fokus Analisis	Mengenal pasti lafaz al-Qiyāmah sebagai salah satu lafaz eskatologi paling dominan dengan ratusan pengulangan.	Tafsir klasik seperti al-Ṭabarī (Jāmi‘ al-Bayān) menegaskan kepelbagaian istilah Hari Kiamat menggambarkan keluasan makna dan kedalaman ketakutan.
Fungsi Retorik	Menunjukkan peranan lafaz sebagai kata kunci tematik dalam wacana akhirat.	Ulama balaghah (al-Sakkākī, al-Qazwīnī) menghuraikan bahawa pengulangan lafaz ini berfungsi sebagai ta’kīd (penegasan) dan tarhīb (ancaman).
Konteks Ayat	AI menekankan kekerapan lafaz muncul dalam bentuk sumpah (qasam) dan peringatan langsung.	Tafsir Ibn Kathīr menjelaskan sumpah dengan Hari Kiamat adalah bentuk qasam li al-taḥqīq (sumpah penegasan) yang mengukuhkan kepastian kebangkitan.
Kaedah Analisis	Data frekuensi, konkordan, dan kedudukan lafaz dalam ayat.	Analisis semantik, maqāṣid, dan teori balaghah berdasarkan kerangka ilmu ulama.
Keterbatasan	Tidak dapat menghubungkan lafaz dengan psikologi dakwah dan maqāṣid al-Qur’an.	Menghuraikan dimensi emosi, spiritual, dan kesan didaktik kepada pembaca dan pendengar.

Pertama: Kalimah al-Nār (النار) dan al-Jahīm (الجحيم)

Kalimah ini merujuk kepada penguatan ancaman dan visual neraka, di mana istilah al-Nār muncul sebanyak 126 kali, manakala al-Jahīm pula sebanyak 26 kali. Kedua-duanya perkataan ini menggambarkan realiti neraka dengan penekanan berbeza. Al-Nār membawa makna umum api neraka, sering

digunakan dalam konteks ancaman langsung, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 24:

فَأَنفِقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارُ

Maksudnya: “Maka peliharalah dirimu dari api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu...”

Dalam konteks ini, penggunaan al-Nār berfungsi sebagai ta’kid dan mubālaghah yang membangkitkan rasa gentar. Sebaliknya, al-Jahīm memberikan gambaran lebih visual dan mengerikan, sebagaimana dalam surah al-Ṣāffāt ayat 68:

ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُوا الْجَحِيمِ

Maksudnya: “Kemudian mereka benar-benar akan masuk ke dalam al-Jahīm

Analisis awal dengan bantuan ChatGPT memperlihatkan corak pengulangan lafaz ini secara kuantitatif dan bagaimana konteks penggunaannya dalam sesuatu struktur ayat. Carian ini membantu memetakan istilah yang dominan dalam menggambarkan neraka, sekaligus membuktikan potensi ChatGPT sebagai alat eksplorasi data (data mining). Namun, huraian ChatGPT masih bersifat literal iaitu sekadar mendefinisikan al-Nār sebagai “api neraka” dan al-Jahīm sebagai “neraka yang dahsyat” tanpa menyentuh aspek retorik, psikologi, atau maqāṣid yang terkandung dalam pemilihan lafaz. Perbandingan dengan karya tafsir klasik seperti Jāmi‘ al-Bayān al-Ṭabarī atau al-Tafsīr al-Kabīr al-Rāzī memperlihatkan perbezaan jelas, kerana ulama bukan sahaja menafsir makna leksikal, tetapi juga menyingkap fungsi retorik, kesan dakwah, serta strategi pengulangan yang mengukuhkan mesej al-Quran.

Di sinilah terletaknya batasan ChatGPT yang memerlukan kepada perbahasan ulama. Kecerdasan buatan tidak mampu membaca nuansa iltifāt, ta’kid, mahupun mubālaghah yang menjadi asas kefahaman balaghah al-Quran secara mendalam. Sebagai contoh, penggunaan al-Nār di awal ayat dan al-Jahīm pada penutup ayat bukan sekadar sinonim, tetapi strategi retorik iltifāt al-khitām yang memberi impak psikologi mendalam. ChatGPT gagal menelusuri lapisan ini, justeru autoriti tafsir klasik tetap menjadi rujukan utama dalam memahami kedalaman makna. Walaubagaimanapun terdapat nilai tambah dalam kajian ini iaitu mengintegrasikan dua pendekatan; pertama: teknologi moden berfungsi mempercepatkan proses pengumpulan dan analisis dat. Kedua, pemahaman berdasarkan tafsiran ulama memastikan ketepatan makna serta kesinambungan

tradisi ilmu. Dengan itu, kajian ini bukan sahaja memperlihatkan kekuatan dapatan perbincangan, tetapi juga menawarkan model hibrid dalam penelitian eskatologi al-Quran. Perincian perbandingan antara ChatGPT dan tafsiran ulamak adalah sebagaimana jadual berikut:

Aspek Analisis	Dapatan ChatGPT	Dapatan Sumber Rujukan Bercetak (Ulama/Tafsir)
Kekerapan	al-Nār muncul sebanyak 126 kali, al-Jahīm muncul 26 kali (hasil kiraan konkordan digital).	Ulama klasik tidak menghitung statistik secara kuantitatif, tetapi menekankan signifikansi setiap penggunaan.
Makna Asas	al-Nār difahami sebagai api neraka secara umum. al-Jahīm ditafsirkan sebagai bentuk neraka yang lebih mengerikan dan visual.	Tafsir al-Ṭabarī dan al-Qurṭubī: al-Nār ialah gambaran azab umum; al-Jahīm ialah neraka dengan intensiti luar biasa, melambangkan puncak kemurkaan Allah.
Fungsi Retorik	al-Nār digunakan untuk ancaman langsung (ta’kīd, mubalāghah). al-Jahīm berfungsi sebagai gambaran visual yang menimbulkan rasa takut.	Ulama menegaskan bahawa penggunaan variasi ini menunjukkan tanwī‘ al-‘adhāb (kepelbagaian bentuk azab) sebagai strategi tarbawī al-Quran.
Konteks Ayat	Contoh: al-Baqarah 24 (al-Nār) = ancaman umum. al-Ṣaffāt 68 (al-Jahīm) = gambaran lebih mengerikan.	Tafsir Ibn Kathīr: al-Baqarah 24 dikaitkan dengan cabaran Qur’an dan penolakan wahyu; al-Ṣaffāt 68 dikaitkan dengan penghinaan bagi orang kafir.
Kaedah Analisis	Analisis digital melalui konkordan, fokus pada posisi istilah dalam ayat dan pola pengulangan.	Analisis ulama tafsir melalui sanad hadis, sabab al-nuzūl, qirā’āt, dan perbandingan antara ayat.
Keterbatasan	ChatGPT menilai berdasarkan pola linguistik dan kekerapan sahaja, tanpa menelusuri dimensi teologi.	Ulama menekankan dimensi aqidah, maqāṣid, dan kedalaman makna yang tidak dapat dijangkau oleh AI.

Kedua: Al-Jannah (الجنة)

Lafaz al-Jannah hadir sebanyak 147 kali dalam al-Quran, berfungsi sebagai aspirasi balasan positif yang membentuk keseimbangan dengan ancaman neraka. Istilah ini hampir selalu digandingkan dengan deskripsi inderawi seperti sungai yang mengalir (تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ) atau buah-buahan syurga. Antaranya firman Allah dalam Surah al-Tawbah (9:72):

جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا

Maksudnya: “Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya.”

Pengulangan lafaz ini membentuk takrār istiḥṣānī iaitu pengulangan yang menanamkan harapan (rajāʾ) dan motivasi spiritual kepada pembaca. Menariknya, struktur pengungkapan ini sering menggunakan jumlah ismiyyah yang bersifat tetap, sehingga berfungsi sebagai deklarasi atau jaminan ilahi yang tidak boleh dipersoalkan. Strategi ini menjadikan al-Jannah bukan sekadar gambaran metafizik, tetapi juga sebuah objektif spiritual yang berulang-ulang digambarkan dalam bentuk yang sangat konkrit.

Carian awal melalui ChatGPT mendapati al-Jannah diungkapkan secara literal sebagai “syurga” atau “paradise,” dengan penekanan pada aspek tempat kekal. Namun, perincian retorik yang mendalam tidak dijelaskan. Misalnya, ChatGPT cenderung menyamakan semua deskripsi syurga tanpa menyingkap kepelbagaian simbolik seperti air mengalir sebagai simbol ketenangan abadi, buah-buahan sebagai limpahan rezeki, atau khemah dan istana sebagai penghormatan terhadap status penghuni syurga. Sebaliknya, kitab tafsir klasik seperti al-Kashshāf oleh al-Zamakhsharī dan al-Rāzī dalam al-Tafsīr al-Kabīr menegaskan fungsi deskripsi ini sebagai tathbīt (pementapan iman) dan taḥbīb (membangkitkan cinta) terhadap janji Allah. Ini memperlihatkan perbezaan yang ketara antara capaian ChatGPT yang terhad kepada lapisan literal dengan ulasan ulama tafsir yang menekankan lapisan retorik, psikologi, dan teologi.

Batasan ChatGPT dalam menghuraikan al-Jannah menguatkan lagi keperluan kepada tafsiran dari ulama. ChatGPT mampu mengesan pola pengulangan lafaz dan konteks umum, tetapi gagal menyingkap strategi uslub inshāʾī, fungsi takrār istiḥṣānī, atau aspek pedagogi dakwah yang terkandung dalam retorik Qurʾani. Misalnya, peralihan naratif dari ancaman neraka kepada janji syurga merupakan bentuk muqābalah (kontras retorik) yang memberi kesan

psikologi mendalam iaitu menakutkan dengan azab, lalu menenangkan dengan balasan nikmat. Unsur ini hanya dapat dipahami melalui metodologi balaghah yang tepat dan berkesan. Oleh itu, kekuatan dapatan kajian ini terletak pada integrasi analisis data berbantuan ChatGPT dengan bacaan kritis terhadap tafsir klasik, yang akhirnya menegaskan bahawa al-Jannah dalam al-Quran bukan sekadar lokasi ganjaran ukhrawi, tetapi strategi retorik untuk menanamkan harapan, istiqamah, dan pengabdian mendalam kepada Allah SWT. Perincian perbandingan antara ChatGPT dan tafsiran ulamak adalah sebagaimana jadual berikut:

Aspek Analisis	Dapatan ChatGPT	Dapatan Sumber Rujukan Bercetak (Ulama/Tafsir)
Kekerapan	al-Jannah muncul 147 kali dalam al-Quran, sering diikuti dengan deskripsi deria (contoh: sungai, buah-buahan).	Ulama tidak menekankan bilangan, tetapi memfokuskan pada kepelbagaian deskripsi syurga yang menanamkan harapan (rajā’).
Makna Asas	al-Jannah: gambaran tempat ganjaran abadi bagi orang beriman, divisualkan dengan keindahan material dan spiritual.	Tafsir al-Rāzī & al-Qurṭubī: al-Jannah bukan sekadar lokasi metafizik, tetapi maqām rohani yang tertinggi dengan nikmat rohani melebihi nikmat jasmani.
Fungsi Retorik	Berfungsi sebagai takrār istiḥsānī (pengulangan untuk memupuk aspirasi positif).	Ulama menekankan bahawa pengulangan ini ialah strategi tazkirah yang meneguhkan iman dan mendorong amal soleh.
Konteks Ayat	Contoh: al-Tawbah ayat 72 (jannāt tajrī min taḥtiḥā al-anḥār), pengulangan visual untuk membina keyakinan.	Tafsir Ibn Kathīr: ayat ini menunjukkan janji Allah yang lebih besar daripada kemenangan dunia, termasuk redha Allah.
Kaedah Analisis	AI mengenal pasti pola linguistik & konkordan yang menekankan repetisi deria.	Ulama menggunakan pendekatan tematik (al-tafsīr al-mawḍū’ī) untuk menghimpunkan semua ayat syurga bagi memahami maqāṣid.
Keterbatasan	ChatGPT hanya mengesan aspek	Ulama menegaskan dimensi spiritual, teologi & tarbawi

	linguistik (pengulangan & visualisasi), tanpa dimensi rohaniah yang mendalam.	syurga yang tidak dapat digantikan dengan analisis mesin.
--	---	---

Ketiga: Al-Qiyāmah (القيامة) dan al-Sā‘ah (الساعة).

Kedua-dua lafaz ini menonjolkan dimensi masa dan transformasi kehidupan manusia daripada alam dunia menuju alam akhirat. Lafaz al-Qiyāmah disebut lebih daripada 70 kali, manakala al-Sā‘ah hampir 40 kali. Kedua-duanya menandakan kebangkitan, kehancuran dunia, serta permulaan penghisan. Firman Allah dalam Surah al-Qamar (54:1):

اَفْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَانْشَقَّ الْقَمَرُ

Maksudnya: “Telah dekat (datangnya) Hari Kiamat, dan telah terbelah bulan.”

Penggunaan kata kerja (inqashaqqa al-qamar) berfungsi untuk menggambarkan peristiwa masa depan adalah bentuk iltifāt zamānī yang unik. Strategi retorik ini memberi kesan psikologi bahawa kiamat bukan sesuatu yang jauh, bahkan seakan-akan sudah berlaku, sekali gus mempercepat kesedaran dan rasa gentar dalam jiwa manusia. Dalam Surah al-Qiyāmah (75:1), Allah SWT menegaskan:

لَا أَقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Aku bersumpah dengan Hari Kiamat.”

Ungkapan sumpah (qasam) ini memperlihatkan bentuk ta’kīd qasamī yang menegaskan kepastian peristiwa tersebut. Menariknya, pengulangan struktur sumpah (lā uqsimu) dianggap sebagai bentuk balāghī istifhāmī, iaitu gaya sumpah yang bukan sekadar penegasan, tetapi juga berfungsi menarik perhatian, menggoncang pemikiran, dan memperkukuh keyakinan terhadap kepastian hari akhir.

Carian awal melalui ChatGPT menggambarkan al-Qiyāmah sebagai “Hari kiamat (kebangkitan)” dan al-Sā‘ah sebagai “Hari kiamat (masa),” dengan penekanan literal pada dimensi waktu. Walaupun ChatGPT berjaya memetakan bilangan pengulangan serta konteks umum, ia gagal menjelaskan lapisan balaghah seperti iltifāt zamānī atau ta’kīd qasamī. Sebagai contoh, ChatGPT hanya menerangkan lā uqsimu sebagai “sumpah” tanpa mengaitkan fungsi

retoriknya sebagai strategi Qur’ani untuk membangkitkan kejutan emosi yang membentuk kejutan kepada psikologi. Perbezaan ini dapat dilihat jika dibandingkan dengan tafsir klasik; misalnya, al-Ṭabarī menekankan bahawa sumpah Allah bukan sekadar penegasan, tetapi bukti kemuliaan Hari Kiamat, manakala Fakhr al-Rāzī menafsirkan peralihan kata kerja lampau sebagai tanda kepastian mutlak peristiwa ghaib.

Keterbatasan ChatGPT dalam menghuraikan kedua lafaz ini menegaskan bahawa dimensi retorik, psikologi, dan teologi hanya dapat dijelaskan melalui disiplin tafsir balāghī para ulama. ChatGPT cenderung menyajikan makna asas, manakala ulama menyingkap strategi linguistik yang menjadikan al-Quran bukan sahaja memberi informasi, tetapi juga membentuk kesedaran yan merujuk kepada keberadaan dan kepastian hari akhir. Oleh itu, integrasi kedua pendekatan ini penting iaitu kaedah ChatGPT mempercepat pengumpulan data linguistik, manakala tafsir klasik menyediakan kerangka kritis untuk menyingkap lapisan retorik yang lebih tinggi. Gabungan inilah yang akhirnya mampu mengangkat perbincangan al-Qiyāmah dan al-Sā’ah sebagai bukan sekadar istilah eskatologi, tetapi strategi wahyu untuk membina rasa takut, harap, dan kesedaran mendalam terhadap realiti akhirat. Perincian perbandingan antara ChatGPT dan tafsiran ulamak adalah sebagaimana jadual berikut:

Aspek Analisis	Dapatan ChatGPT	Dapatan Sumber Rujukan Bercetak (Ulama/Tafsir)
Kekerapan	al-Qiyāmah muncul 70 kali, al-Sā’ah muncul 40 kali.	Ulama tafsir jarang menekankan bilangan, sebaliknya fokus pada kepelbagaian konteks kemunculan lafaz.
Makna Asas	al-Qiyāmah: kebangkitan & hari perhitungan. al-Sā’ah: saat kehancuran dunia & permulaan akhirat.	Tafsir al-Ṭabarī & Ibn Kathīr: al-Qiyāmah menekankan proses kebangkitan, sedangkan al-Sā’ah merujuk kepada kepastian saat bermulanya kiamat.
Fungsi Retorik	al-Sā’ah sering digabungkan dengan ayat sumpah & tanda kosmik (contoh: al-Qamar 1). al-Qiyāmah pula digunakan dengan sumpah	Ulama menekankan fungsi sumpah sebagai ta’kīd qasamī yang mengikat hati manusia pada kepastian

	(qasam) seperti “lā uqsimu” untuk menegaskan kepastian.	kiamat, serta memberi kesan psikologi mendalam.
Konteks Ayat	al-Qamar 1: iqtarabat al-sā‘ah wa inshaqqa al-qamar = iltifāt zamani (masa depan seolah berlaku kini). al-Qiyāmah 1: lā uqsimu bi-yawm al-qiyāmah = sumpah yang menguatkan kesedaran.	Tafsir al-Rāzī: peristiwa terbelah bulan sebagai mukjizat Nabi SAW. Ibn Kathīr: sumpah Allah dengan hari kiamat menunjukkan kepastian hari pembalasan.
Kaedah Analisis	AI menekankan struktur linguistik (iltifāt zamani, qasam, balāghah istifhāmī).	Ulama menekankan sabab nuzūl, hikmah sumpah, serta kesan tarbawi kepada jiwa mukmin.
Keterbatasan	ChatGPT cenderung menafsir dari aspek bentuk bahasa & gaya retorik tanpa menyinggung dimensi aqidah yang lebih luas.	Ulama menegaskan bahawa memahami kiamat memerlukan gabungan tafsir, hadis sahih & aqidah, yang tidak dapat disimpulkan melalui analisis linguistik semata-mata.

Keempat: ‘Adhāb (عَذَاب), Yawm al-Dīn (يَوْمَ الدِّينِ), dan Ḥisāb (حِسَاب)

Tema pembalasan dan pertanggungjawaban di Akhirat terserlah melalui tiga lafaz utama: ‘adhāb, Yawm al-Dīn, dan ḥisāb. Dalam keseluruhan korpus al-Quran, lafaz ‘adhāb sahaja muncul lebih daripada 300 kali, menjadikannya antara kosa kata paling dominan dalam wacana eskatologi. Dari sudut retorik, bentuk-bentuk seperti ‘adhāb al-nār, ‘adhāb al-‘aẓīm, dan ‘adhāb al-‘alīm memperlihatkan ta’kīd ṣifātī (penegasan melalui sifat), iaitu pengulangan berlapis yang menimbulkan gambaran emosi dan visual berperingkat daripada siksaan api hingga kesakitan yang sangat pedih.

Sebagai contoh, Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ṣaffāt ayat 38:

فَذُوقُوا الْعَذَابَ الْعَظِيمَ

Maksudnya: “Maka rasailah azab yang sangat besar itu.”

Penggunaan *fi‘il amr* (فَذُقُوا) yang digandingkan dengan *ism tafḍīl* (العظيم) membentuk gaya *balāghah tahdīdiyyah*, iaitu ancaman yang bersifat mutlak, keras, dan tidak memberi ruang kompromi. Bentuk perintah dalam konteks ini bukan sekadar arahan, tetapi juga menzahirkan ketidakmampuan manusia melawan keputusan Tuhan. Istilah *Yawm al-Dīn* pula menghadirkan konsep ketentuan waktu hisab dan balasan yang tidak dapat ditangguhkan. Allah SWT menyebut dalam Surah al-Fātiḥah ayat 4:

مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ

Maksudnya: “Yang Menguasai Hari Pembalasan.”

Struktur ayat ini menggunakan gaya *idāfah ta‘zīmiyyah* (Mālik + *Yawm al-Dīn*), yang menekankan kekuasaan mutlak Allah terhadap hari tersebut sekali gus menafikan sebarang autoriti makhluk lain. Manakala lafaz *ḥisāb* sering hadir dalam bentuk *fi‘il* seperti يُحَاسِبُهُمْ atau sifat ilahiah seperti سَرِيعُ الْحِسَابِ. Ungkapan ini membentuk *ta’kid nafsī* yang memperkukuh kepastian hisab itu berlaku dengan dua ciri utama: kecepatan (*sari‘*) dan keadilan (*‘adl*). Justeru, al-Quran bukan sahaja membina gambaran masa depan, tetapi juga menimbulkan tekanan psikologi bahawa pertanggungjawaban adalah dekat, pasti, dan tidak dapat dielakkan.

Walaupun penggunaan ChatGPT mampu memetakan frekuensi lafaz *‘adhāb*, *Yawm al-Dīn*, dan *ḥisāb* dengan lebih cepat, namun terdapat keterbatasan epistemologi yang perlu diambil kira. Analisis ChatGPT cenderung melakukan reduksi makna dengan hanya memberikan definisi literal tanpa menyingkap lapisan retorik dan *maqāṣid* syar‘iyyah sebagaimana dihuraikan para mufasssir. Misalnya, perbezaan nuansa antara *‘adhāb al-‘aẓīm* dan *‘adhāb al-‘alīm* dari sudut psikologi tidak dapat dijelaskan dengan mendalam. Begitu juga hubungan *balāghī* antara sifat *ḥisāb* yang “*sari‘*” dengan konsep keadilan Ilahi sering ditafsirkan secara datar, sedangkan dalam perbahasan klasik ia berkait dengan hikmah kecepatan hisab bagi orang beriman dan kelewatan hisab bagi orang kafir. Perincian perbandingan antara ChatGPT dan tafsiran ulamak adalah sebagaimana jadual berikut:

Aspek Analisis	Dapatan ChatGPT	Dapatan Sumber Rujukan Bercetak (Ulama/Tafsir)
Kekerapan	‘Adhāb muncul lebih 300 kali, sering digandingkan	Ulama tafsir menekankan variasi penggunaan istilah ini

	dengan sifat seperti al-‘aẓīm, al-alīm. Yawm al-Dīn berulang dalam surah tertentu (terutamanya al-Fātiḥah). Ḥisāb muncul dalam bentuk isim & fi‘il.	untuk menunjukkan tahap intensiti azab, kepastian pembalasan, dan sifat Allah sebagai Hakim yang Maha Adil.
Makna Asas	‘Adhāb = azab atau seksaan, bersifat visual & emosi. Yawm al-Dīn = Hari Pembalasan. Ḥisāb = proses perhitungan amal.	Tafsir al-Qurṭubī: ‘Adhāb = azab dunia & akhirat; Yawm al-Dīn = kepastian balasan; Ḥisāb = ukuran keadilan Allah, tidak ada yang terlepas walau sebesar zarrah.
Fungsi Retorik	‘Adhāb dengan sifat mubālaghah (‘aẓīm, alīm) menghasilkan ta’kīd ṣifāh. Yawm al-Dīn memberi tekanan pada kepastian masa. Ḥisāb memberi kesan psikologi pada kepantasan & ketelitian perhitungan.	Ulama melihat susunan lafaz ini sebagai strategi tarbiyah: menakutkan dengan azab, menegaskan kepastian pembalasan, dan mendidik kesedaran akan hisab.
Konteks Ayat	al-Saffāt 38: fa-dhūqū al-‘adhāb al-‘aẓīm = balāghah tahdīdiyyah. al-Fātiḥah 4: (Mālikī Yawm al-Dīn). Ayat tentang sarī‘ al-ḥisāb menekankan kepantasan.	Ibn Kathīr: ‘adhāb al-‘aẓīm adalah azab akhirat, jauh lebih dahsyat daripada dunia. Tafsir al-Rāzī: Mālikī Yawm al-Dīn menegaskan keesaan Allah dalam mengadili. Tafsir al-Ṭabarī: sarī‘ al-ḥisāb = Allah tidak perlu alat kiraan; ilmu-Nya meliputi segala sesuatu.
Kaedah Analisis	AI menganalisis bentuk balāghī: ta’kīd ṣifāh, fi‘il amar (fa-dhūqū), isim tafḍīl (al-‘aẓīm), dan kesan psikologi lafaz.	Ulama menekankan aspek aqidah & syariah: azab sebagai peringatan, hisab sebagai proses pengadilan yang adil, dan Hari Pembalasan sebagai paksi iman.
Keterbatasan	ChatGPT menekankan sudut bahasa & retorik tanpa menghubungkan kepada dimensi aqidah & syariat.	Ulama tafsir mengaitkan lafaz ini dengan iman, amal, dan tanggungjawab akhirat – satu dimensi yang melampaui analisis linguistik semata.

Kelima: Sinonimi dan Variasi Retorik Bayānī

Pendekatan lafaz seerti (sinonimi) dan variasi retorik dalam eskatologi al-Quran memperlihatkan bahawa pengulangan tidak hanya berlaku pada istilah yang sama, tetapi juga melalui pembentukan jaringan makna dengan emosi yang berbeza. Untuk menggambarkan keadaan neraka, al-Quran tidak sekadar menggunakan al-Nār atau al-Jahīm, tetapi turut memperkenalkan lafaz lain seperti al-Sa'ir, al-Hāwiyah, dan Saqar. Setiap istilah diposisikan dalam konteks yang unik, menambahkan lapisan intensiti retorik yang sukar dicapai dengan satu kosa kata sahaja.

Sebagai contoh, Allah SWT berfirman dalam Surah al-Muddaththir ayat 27:

وَمَا أَدْرَاكَ مَا سَقَرٌ

Maksudnya: “Dan tahukah kamu apa itu Saqar?”

Gaya bahasa ini menampilkan bentuk iltifāt su'ālī (pertanyaan retorik) yang bukan bertujuan untuk mencari jawapan, tetapi membangkitkan rasa ingin tahu, seterusnya membuka ruang deskripsi menakutkan pada ayat-ayat berikut. Strategi ini memperlihatkan bahawa variasi leksikal dalam eskatologi Qur'ani berfungsi bukan hanya sebagai sinonim semata-mata, tetapi sebagai alat retorik yang mengaktifkan imaginasi, emosi, dan kesedaran pembaca terhadap kepelbagaian bentuk azab.

Walaupun ChatGPT dapat mengenal pasti kepelbagaian sinonim eskatologi dan membandingkan frekuensinya, analisis ChatGPT ini sering bersifat linear sekadar memetakan kesamaan makna tanpa memahami perbezaan konteks dan kesan retorik yang halus. Sebagai contoh, Saqar dalam Surah al-Muddaththir bukan hanya sinonim kepada neraka, tetapi sebuah gambaran khusus dengan ciri azab yang tiada padam. Perincian seperti ini hanya diperoleh melalui kajian tafsir klasik, seperti al-Rāzī yang menekankan aspek psikologi rasa takut (ru'b), atau al-Bayḍāwī yang menghubungkan lafaz-lafaz sinonim ini dengan tahap azab yang bertingkat-tingkat. Oleh itu, kekuatan analisis ini terletak pada integrasi antara teknologi dan warisan tafsir ulama, agar variasi retorik Qur'ani dapat difahami bukan sahaja secara linguistik, tetapi juga secara spiritual, psikologi, dan teologi. Perincian perbandingan antara ChatGPT dan tafsiran ulamak adalah sebagaimana jadual berikut:

Aspek Analisis	Dapatan ChatGPT	Dapatan Sumber Rujukan Bercetak (Ulama/Tafsir)
Kekerapan & Variasi	ChatGPT mengenal pasti istilah sinonim untuk neraka: al-Nār, al-Jahīm, al-Sa‘īr, al-Hāwiyah, Saqar, setiap satu dengan konteks emosi & visual berbeza.	Ulama tafsir (al-Qurṭubī, Ibn Kathīr) menegaskan bahawa variasi lafaz bukan hanya sinonim, tetapi menunjukkan darjat berbeza dalam seksaan neraka.
Makna Asas	Sinonim digunakan bagi menambah kepelbagaian ekspresi linguistik dan memperkukuh aspek dramatik dalam ayat.	Ulama menekankan makna khusus: Saqar = neraka dengan seksaan sangat panas; al-Hāwiyah = neraka paling bawah; al-Sa‘īr = api yang menyala-nyala.
Fungsi Retorik	ChatGPT menekankan aspek iltifāt su’ālī (pertanyaan retorik), contohnya al-Muddaththir 27: wa mā adrāka mā Saqar. Ini membangkitkan rasa ingin tahu dan ditutup dengan jawapan menakutkan.	Ulama menjelaskan fungsi pertanyaan ini sebagai strategi Qur’ani untuk menanamkan rasa takut mendalam, serta memaksa pembaca merenung.
Konteks Ayat	Al-Muddaththir 27–29: pertanyaan retorik + deskripsi tentang Saqar.	Ibn Kathīr: soalan ini bertujuan menggoncang hati, menunjukkan kedahsyatan Saqar yang tidak dapat dibandingkan dengan azab lain.
Kaedah Analisis	AI menekankan sinonimi sebagai variasi retorik bayānī yang memperkukuh nuansa emosi dan psikologi.	Ulama menekankan bahawa variasi ini adalah sebahagian dari i‘jāz al-Qur’ān – setiap lafaz membawa dimensi makna yang unik, bukan sekadar gaya bahasa.

Keterbatasan	ChatGPT melihat sinonimi sebagai aspek linguistik semata-mata, tanpa menyinggung darjat syar'ī bagi setiap jenis neraka.	Ulama menegaskan bahawa pemahaman sinonimi memerlukan sandaran pada tafsir klasik, hadis sahih, dan riwayat sahabat.
--------------	--	--

Keenam: Posisi Retorik

Kedudukan lafaz eskatologi dalam ayat turut membentuk strategi balāghah yang signifikan. Melalui analisis konkordans, didapati bahawa istilah seperti ‘adhāb dan al-Nār sering diletakkan di penghujung ayat, menghasilkan kesan balāghah khitāmiyyah (retorik penutup) yang lebih menggetarkan emosi. Letakannya pada penutup menimbulkan kesan dramatik, seolah-olah menjadi noktah terakhir yang menutup hujah dengan ancaman yang tidak boleh dipandang ringan.

Sebagai contoh, Allah SWT berfirman dalam Surah Āli ‘Imrān ayat 12:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَعْتٌ وَلَٰكِنْ سَعْتُهُمْ لَا تُغْنِي عَنْهُمْ كُفْرَهُمْ وَلَا يُنصَرُونَ ۚ وَبَشِّرِ الْمُنَافِقِينَ

Maksudnya: “Katakanlah kepada orang-orang kafir itu: Kamu pasti akan dikalahkan dan dihimpunkan ke neraka Jahannam. Dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal.”

Ayat ini memperlihatkan bagaimana al-Nār dan sinonimnya (Jahannam) diletakkan pada penutup ayat, menjadi klimaks ancaman yang menutup ruang penolakan. Sebaliknya, lafaz seperti al-Jannah dan al-Qiyāmah kadangkala muncul di awal ayat, khususnya dalam bentuk sumpah (qasam) atau deklarasi, bagi menarik perhatian pembaca. Contohnya, Allah SWT berfirman dalam Surah al-Qiyāmah ayat 1:

لَا أُقْسِمُ بِبَيْتِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Aku bersumpah dengan Hari Kiamat.”

Posisi lafaz al-Qiyāmah di awal ayat berperanan sebagai muqaddimah qasamiyyah yang membina aliran tematik, lalu mengajak pembaca kepada tafakur mendalam tentang kepastian kebangkitan. Demikian juga frasa Jannāt tajrī min

taḥtiḥā al-anḥār sering diletakkan di awal atau tengah ayat dalam bentuk jumlah ismiyyah, sebagai satu jaminan yang pasti dan tidak berubah.

Walaupun ChatGPT mampu mengesan pola kedudukan lafaz berdasarkan data konkordan, penjelasan ChatGPT sering bersifat deskriptif statistik tanpa mampu menyingkap fungsi retorik dan kesan psikologi kedudukan lafaz dalam struktur ayat. Misalnya, ia mungkin melaporkan bahawa ‘adhāb lebih kerap muncul di hujung ayat, tetapi gagal menjelaskan implikasi khitām balāghī yang menegaskan ancaman. Dalam tradisi tafsir klasik, ulama seperti al-Zamakhsharī dan al-Biqā‘ī menekankan bahawa posisi lafaz bukan kebetulan, sebaliknya strategi ilahiah untuk memandu pembaca kepada rasa takut (tarḥīb) atau harapan (targhib) sesuai dengan tujuan ayat. Justeru, kekuatan kajian ini terletak pada integrasi: data linguistik moden melalui ChatGPT menjadi pintu masuk, manakala huraian ulamak klasik mengangkat dapatan itu ke tahap retorik dan maqāṣid yang lebih tinggi. Perincian perbandingan antara ChatGPT dan tafsiran ulamak adalah sebagaimana jadual berikut:

Aspek Analisis	Dapatan ChatGPT	Dapatan Sumber Bercetak
Definisi Umum	Posisi retorik merujuk kepada kedudukan lafaz dalam ayat sama ada di awal, pertengahan, atau penghujung ayat yang membawa kesan makna dan emosi tertentu.	Ulama balāghah menjelaskan posisi lafaz dalam struktur ayat sebagai sebahagian daripada siyāq (susunan konteks) yang memberi kesan estetik dan semantik, rujukan seperti al-Sakkākī (Miftāḥ al-‘Ulūm).
Di Awal Ayat	Lafaz seperti al-Jannah dan al-Qiyāmah kadang-kadang muncul di awal ayat sebagai subjek atau bentuk sumpah, untuk menarik perhatian dan mengarahkan fokus pembaca.	Sumber bercetak menegaskan bahawa sumpah (qasam) atau pendahuluan dengan lafaz besar seperti al-Qiyāmah adalah teknik retorik untuk membina kekuatan hujah (lihat al-Zamakhsharī, al-Kashshāf).
Di Pertengahan Ayat	Istilah eskatologi kadangkala muncul di pertengahan ayat untuk menghubungkan antara janji dan ancaman,	Al-Rāghib al-Aṣḥānī menyebut fungsi pertengahan ayat sebagai ‘uqdat al-bayān (simpulan makna) yang

	membentuk keseimbangan dalam mesej dakwah.	mengikat konteks ayat secara keseluruhan.
Di Penghujung Ayat	Lafaz seperti ‘adhāb dan al-Nār kerap muncul di hujung ayat sebagai penutup yang menggetarkan (balāghah khitāmiyyah), meningkatkan kesan takut (tarhīb).	Ulama balāghah seperti Ibn al-Athīr dalam al-Mathal al-Sā’ir menegaskan bahawa penutup ayat dengan lafaz ancaman adalah strategi retorik untuk meninggalkan kesan mendalam dalam ingatan pembaca.
Kesan Retorik	Penempatan lafaz berbeza (awal, tengah, hujung) memberi variasi retorik dan mengelakkan monoton, sekaligus mengekalkan perhatian audiens.	Sumber bercetak mengesahkan bahawa variasi posisi lafaz adalah sebahagian daripada i’jāz al-Quran, menggabungkan keindahan susunan (naẓm) dengan kekuatan mesej.

5. KESIMPULAN

Keseluruhan analisis ini menunjukkan bahawa pengulangan lafaz eskatologi dalam al-Quran bukanlah berlaku secara kebetulan atau literal semata-mata, tetapi mengandungi strategi retorik yang tersusun dan mendalam. Setiap istilah seperti al-Nār, al-Jahīm, al-Jannah, al-Qiyāmah, al-Sā’ah, ‘adhāb, Yawm al-Dīn dan ḥisāb membawa nuansa makna yang tersendiri, bergantung kepada konteks penggunaannya, kedudukan dalam ayat, dan gaya balāghah yang digunakan.

Melalui penggunaan ta’kīd, mubalāghah, iltifāt, qasam, su’āl balāghī, serta takrār istiḥsānī, al-Quran berjaya mengukuhkan tema ancaman dan harapan, serta menanamkan kesedaran tentang tanggungjawab dan pembalasan di akhirat dalam jiwa pembaca. Tambahan pula, penggunaan variasi sinonim eskatologi seperti al-Sa’ir, al-Hawiyah dan Saqar memperlihatkan satu lapisan emosi dan visual yang berbeza, sekaligus meningkatkan kekuatan psikologi terhadap mesej yang disampaikan. Justeru itu, strategi retorik seperti penempatan lafaz di awal, tengah, atau hujung ayat menambahkan lagi kesan dramatik dan membina alur naratif al-Quran yang mengajak manusia bertafakur, mengambil iktibar, serta memperkukuh keimanan terhadap hari akhirat.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2023/SSI10/USIM/02/2).

RUJUKAN

- Adawiah, H., Farhan, M. F. M., & Hamdi, I. (2023). Isu dan cabaran ChatGPT terhadap pengajian Islam di Malaysia. *Turāth: Journal of Al-Qur'an & Al-Sunnah*, 1(2023), i–xvii.
- Adli, N. M. A. A. N. & Abdullah, M. N. (2024). Peranan Ilmu Balāghah Dalam Penafsiran Al-Quran: Kajian Terhadap Al-Tibāq Dan Al-Muqābalah. *Jurnal 'Uluwan*, 9(2), 71-85.
- Afiazil.A. S et. Al. (2024). Analisis Kesalahan Penerjemahan Teks Bahasa Indonesia ke dalam Bahasa Arab pada ChatGPT (Studi Analisis Morfologi dan Sintaksis). *Jurnal Kajian Pendidikan dan Bahasa Arab*. 6(2). 1-12.
- Al-Janabi, M. H. (2024). Artificial Intelligence in Quranic Exegesis: A Critical Analytical Study of ChatGPT Technology. *Quranica: International Journal of Quranic Research*, 16(2), 112-144.
- Al-Qurṭubī, M. A. (2006). *Al-Jāmi' li-aḥkām al-Qur'ān*. Cairo: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Rāghib al-Aṣḥānī. (2009). *Mufradāt al-fāz al-Qur'ān* (ed. Ṣafwān 'Adnān Dāwūdī). Damascus: Dār al-Qalam.
- Al-Rāzī, F. al-D. (1999). *Mafātīḥ al-ghayb* [Tafsīr al-Rāzī]. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Ṭabarī, M. J. (2001). *Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āy al-Qur'ān* (ed. 'Abd Allāh b. 'Abd al-Muḥsin al-Turkī). Cairo: Dār Hajr.
- Al-Ṭabarī, M. J. (2001). *Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āy al-Qur'ān* (ed. 'Abd Allāh b. 'Abd al-Muḥsin al-Turkī). Cairo: Dār Hajr.
- Al-Zamakhsharī, M. A. (1995). *Al-Kashshāf 'an ḥaqā'iq ghawāmiḍ al-tanzīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amir H. Y. Salama. (2021). A Methodology for Quranic Lexical Translation Synergizing Semantic Preference, Discourse prosody, and para/intertextuality. *Translation Space*. 10 (2). h. 280
- Aqdi Rofiq Asnawi. (2021). Re-analyzing the structure of Surah al-'Alaq Using Semitic Rhetorical Analysis (SRA): A Critical Study on Cuypers's Methodology of Analysing Quranic Structure. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*, 13(1), h 168.
- Asma. A.R. (2019). Multi-Relational Latent Lexicology-Semantic "LEXICOLSEM" Analysis Model for Extracting Quranic Concept.

- International Journal of Education and Human Development. 5(2). 30-35.
- Cuyper, M. (2020). A Semitic rhetorical analysis of Surah al-Mā'idah: Form and unity in the Qur'an. *Journal of Qur'anic Composition*, 6(1), 15–37.
- Cuypers, M. (2009). *The Banquet: A Reading of the Fifth Sura of the Qur'an*. Miami, FL: Convivium Press.
- Ferrara, E. (2023). Hallucination and bias in large language models: Implications for religious text generation. *AI Ethics Journal*, 7(3), 201–218.
- Ferrara, E. (2023). Measuring and Understanding Hallucinations in Large Language Models. *Proceedings of the 2023 Conference on Empirical Methods in Natural Language Processing (EMNLP)*, 1771–1784.
- Ibn al-Athīr, D. al-D. (2006). *Al-Mathal al-sā'ir fī adab al-kātib wa al-shā'ir* (ed. Aḥmad al-Ḥusaynī). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 10(7), 330–353.
- Menwa, A, Eric, A, Mhd. A. (2019). Detecting Semantic-based Similarity Between Verses of The Quran with Doc2vec. 5th International Conference on AI in Computational Linguistics. *Procedia Computer Science* by Elsevier. 1-8.
- Mustafa Kadad dan Sadik Sehitoglu. (2025). The Role of Artificial Intelligence in Analyzing and Interpreting Arabic Texts: A Study on the Challenge of Literal Versus Contextual Meaning. *Ijazarabi: Journal of Arabic Learning*. 8 (2). 580-597.
- Nasir, M., et al. (2024). Analisis kritikal penggunaan ChatGPT dalam pengumpulan ayat eskatologi al-Quran. *Quranica*, 16(2), 112–144.
- Nasr, S. H. (2020). Revisiting the sacred text: Traditional exegesis and contemporary tools. *Islamic Studies Review*, 46(2), 211–230.
- Nur Faizi, Syamsul Hadi, Thoyyib (2014). Bentuk Repetisi Linguistik dalam Al-Quran. *LiNGUA*, 9(1), h. 32.
- Sison, J., et al. (2023). Human-Centered AI: etika dan bias dalam penggunaan ChatGPT dalam pendidikan agama. *Journal of Religious Education Technology*, 5(4), 201–220.
- Sulaiman, S. (2020). Human Emotion in Adversity: A Quranic Discourse Coherence Analysis.
- Wan Azura Wan Ahmad. (2021). Psikologi Retorik dalam Surah-surah Makkiyyah: Kajian terhadap Elemen Repetisi dan Emosi dalam al-Qur'an. *Jurnal Linguistik dan Retorik Islami*, 6(2), 88–105.